



**PERBADANAN PUTRAJAYA
KENYATAAN TENDER
(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)**

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PERKAKASAN BAGI APLIKASI PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER
MANUSIA BERSEPADU (ERMIS/SAP) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

NO. TENDER: PPj/T/JK/53/2022

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Kod bidang 210102 (Hardware (high end technology) – All types of server, mainframe high end, printers storage area network (SAN, NAS) including maintenance) dan 210103 (Software – Supply all computers software, operating system, database, off-the-self packages including maintenance) DAN Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	Taklimat dijalankan (dalam bentuk slaid) mulai: 8 Ogos 2022 (Isnin) di pautan berikut : https://www.ppj.gov.my/second-page/tender Lawatan tapak tidak diwajibkan	8 Ogos 2022 (Isnin) sehingga 19 Ogos 2022 (Jumaat) Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM 250.00 (Tidak dikembalikan) Tunai / Deraf Bank Perbadanan Putrajaya	29 Ogos 2022 (Isnin) 12.00 tengah hari Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut :
 - **Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang sama/serupa bernilai sekurang-kurangnya RM 50,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.**
4. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan di portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dimana wakil Kontraktor/Syarikat **DIWAJIBKAN** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akaan Pendaftaran Kementerian Kewangan. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **satu (1) salinan Sijil Akaan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan.**
6. Tender ini akan ditutup pada **29 Ogos 2022** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT :
<https://www.ppj.gov.my> & <https://myprocurement.treasury.gov.my>